

Dengan menyerahkan permohonan untuk membuka Akaun Kad, Korporat bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian Kad Perniagaan ini ("Perjanjian ini" yang termasuk sebarang pindaan atau penambahan kepadanya) yang mentadbir operasi Akaun Kad dan penggunaan Kad yang dikeluarkan kepada penama-penama Korporat di bawah Akaun Kad ("Kemudahan Kad"). Korporat mengesahkan bahawa ia telah membaca dan memahami Perjanjian ini dan berjanji untuk memastikan Pemegang Kad Penama membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi terma-terma Perjanjian ini. Anda dinasihati untuk sentiasa mendapatkan nasihat guaman anda sendiri. Sekiranya Syarikat atau penamanya tidak memahami sebarang terma-terma dan syarat-syarat di sini, sila dapatkan penjelasan daripada wakil Bank yang berkenaan.

Persetujuan terhadap terma Perjanjian ini

AmBank (M) Berhad ("Bank") ialah penyedia kredit bagi Akaun Kad kad kredit. Korporat dianggap menerima tawaran Bank untuk menyediakan kredit berasaskan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini apabila Akaun Kad dibuka.

Definisi

"Perkhidmatan 3D Secure"

Perkhidmatan pengesahan dalam talian (online) bagi Mastercard untuk memastikan keselamatan transaksi dalam talian di laman pedagang dalam talian 3D Secure yang memaparkan logo "Mastercard SecureCode" dan/atau logo "VERIFIED by VISA (VbV)".

"Pusat Perhubungan AmBank"

Pusat panggilan Perkhidmatan Pelanggan AmBank, yang boleh dihubungi menerusi kaedah hubungan pada akhir Perjanjian ini.

"Kumpulan AmBank"

AMMB Holdings Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 199101012723) dan kumpulan syarikat-syarikat dan termasuk semua anak syarikat langsung dan tidak langsung dan syarikat sekutu di bawah syarikat pegangan Bank.

"ATM"

Mesin Teler Automatik Bank atau mana-mana anak syarikat Kumpulan AmBank atau Bank Ahli Mastercard/Visa.

"Hari Perniagaan"

Hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan, tidak termasuk cuti umum.

"Buletin Pembatalan"

Senarai nombor Kad dan Akaun Kad yang tidak sah dan dibatalkan oleh Bank atau Bank Ahli Mastercard/Visa.

"Kad"

Kad Kredit Mastercard, atau Visa yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad pada bila-bila masa atau Pemegang Kad Penama di bawah Perjanjian ini.

"Akaun Kad"

Akaun kad perniagaan yang disenggara oleh Korporat dengan Bank yang mana Korporat diberi kemudahan kredit untuk digunakan oleh Pemegang Kad Penama Korporat melalui Kad dan adalah tertakluk kepada Had Kredit.

"Maklumat Kad"

Merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kad, termasuk nombor Kad, yang mungkin diperlukan untuk membuat Transaksi.

"Nombor Kad"

Nombor 16 angka yang dicetak timbul pada Kad. Nombor ini mungkin berbeza atas beberapa sebab termasuk (tetapi tidak terhad kepada) penggantian kad, perubahan produk kad dan keperluan sistem.

"Pendahuluan Tunai"

Pengeluaran wang tunai daripada Akaun Kad dalam apa jua bentuk, termasuk menerusi ATM, transaksi kaunter, pemindahan dalam talian ke mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa bank atau institusi kewangan, pembelian cek pengembara, pertukaran mata wang asing, kiriman wang serta transaksi kuasi tunai yang mewakili penjualan barangan oleh Peniaga (termasuk cip kasino, tiket loteri dan mata wang digital iaitu mata wang kripto atau mata wang kripto yang berkaitan/serupa), dan apa-apa transaksi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank atau Mastercard atau Visa dari semasa ke semasa.

"Had Kredit"

Had perbelanjaan yang ditetapkan oleh Bank di bawah Akaun Kad.

"Korporat"

Entiti perniagaan yang memohon Kemudahan Kad Perniagaan dan hendaklah termasuk pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan masing-masing seperti yang dikehendaki menurut konteks.

"e-Penyata"

Penyata akaun bulanan yang dikeluarkan oleh Bank berkaitan Transaksi dan lain-lain yuran dan caj yang ditanggung oleh Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama dengan penggunaan Kad.

"Tarikh e-Penyata"

Tarikh di mana Bank mengeluarkan e-Penyata.

"Tempoh Tanpa Faedah"

Tempoh di dalam sebulan yang mana tiada faedah akan dikenakan ke atas Transaksi runcit (selain daripada Pendahuluan Tunai dan transaksi perjudian atau permainan) selama dua puluh lapan (28) hari kalender dari Tarikh catatan untuk kesemua transaksi runcit yang dibayar menggunakan kad kredit, dengan syarat baki belum jelas Korporat bagi bulan sebelumnya telah dijelaskan sepenuhnya.

"Mastercard"

Mastercard International Incorporated, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Delaware, dengan alamat utama di 2000 Purchase Street, Purchase, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak).

"Bank Ahli Mastercard"

Institusi kewangan yang merupakan ahli Mastercard

"Pedagang"

"Jumlah Minimum Perlu Dibayar"

Jumlah minimum yang perlu dibayar yang dinyatakan secara bulanan dalam e-Penyata Kad dan yang perlu dibayar oleh Korporat selewat-lewatnya pada Tarikh Matang Pembayaran, iaitu:

i) 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada);

*baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + caj dan fi kewangan (jika ada)

ii) Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada);

	iii) 100% Ansuran Bulanan (jika ada); iv) 100% amaun lewat bayar (jika ada); v) 100% untuk semua amaun yang terlebih had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan) ATAU Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.
"Pemegang Kad Penama"	Merupakan individu yang dinamakan dan dibenarkan oleh Korporat untuk memiliki dan menggunakan Kad menurut terma dan syarat Perjanjian.
"Rakan Niaga"	Sebuah entiti perniagaan atau syarikat yang menjadi rakan niaga Bank untuk menawarkan atau menyediakan program bagi Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama.
"Tarikh Matang Pembayaran"	Tarikh di mana Korporat membayar jumlah keseluruhan yang dihutang atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar, iaitu dua puluh lapan (28) hari kalendar dari Tarikh e-Penyata. Tarikh Matang Pembayaran boleh diubah pada bila-bila masa oleh Bank dengan memberi notis kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu dan sebarang perubahan adalah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank.
"PIN"	Nombor Pengenal Peribadi, dengan sekurang-kurangnya 6-digit, yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Penama berkaitan dengan penggunaan Kad tersebut.
"Tarikh Catatan"	Tarikh di mana transaksi dicatatkan dalam Akaun Kad Korporat.
"Transaksi"	Sebarang bayaran yang dibuat atau Pendahuluan Tunai yang diperolehi dengan atau melalui penggunaan Kad atau Akaun Kad.
"Visa"	Visa International Service Association yang beralamat di Peti Surat 8999, San Francisco, CA 94128-8999, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah haknya) yang mana Bank merupakan ahli utamanya.
"Bank Ahli Visa"	Institusi kewangan yang merupakan ahli Visa.
"Pedagang"	

Perkataan yang mewakili bentuk mufrad juga mewakili bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada orang juga merujuk kepada perkongsian, firma atau syarikat. Tajuk terma dan syarat di dalam ini hendaklah tidak dianggap sebahagian daripada atau diambil kira dalam pentafsiran atau pentakrifan terma dan syarat ini. Bagi tujuan mengira sebarang tempoh masa atau di mana sesuatu tindakan perlu diambil dalam masa yang tertentu dari tarikh yang ditetapkan, tempoh ini adalah termasuk dan masa akan mula dikira dari tarikh yang dinyatakan.

1. Had Kredit

1.1 Had Kredit di bawah Akaun Kad

- Setelah kelulusan Kemudahan Kad, Bank akan menyerahkan dan memaklumkan Korporat Had Kredit yang disediakan kepada Korporat di bawah Akaun Kad. Bank juga boleh atas permintaan Korporat, menetapkan had kredit untuk setiap Kad yang telah dikeluarkan kepada Pemegang Kad Penama. Jumlah had kredit untuk semua Kad yang dikeluarkan tidak boleh melebihi Had Kredit Korporat di bawah Akaun Kad.
- Korporat boleh memohon kepada Bank untuk meningkatkan atau mengurangkan atau mengubah Had Kredit di bawah Akaun Kad atau berkenaan dengan setiap Kad yang dikeluarkan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan mengemukakan permintaan bertulis yang dikeluarkan oleh penandatangan sah Korporat.
- Bank tidak wajib untuk menambah Had Kredit yang diberikan kepada Korporat di bawah Akaun Kad dan apa-apa peningkatan adalah tertakluk kepada taksiran dan penilaian kredit bebas Bank.
- Bank boleh meminda Had Kredit atas budi bicara Bank dan memaklumkan kepada Pemegang Kad mengenai pindaan tersebut. Walau bagaimanapun, sebarang peningkatan Had Kredit oleh Bank berdasarkan pindaan tersebut adalah tertakluk pada penerimaan Pemegang Kad terhadap peningkatan tersebut.
- Tiada apa jua disini yang akan menghadkan liabiliti Korporat, dan Korporat adalah dan akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad walaupun baki belum jelas agerat Kad yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad telah melebihi Had Kredit, kecuali transaksi yang dilaksanakan daripada penggunaan tidak dibenarkan, di mana liabiliti Korporat daripada penggunaan yang tidak dibenarkan adalah seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 7.3(d)** dan dengan syarat bahawa Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama tidak mengambil bahagian dalam apa-apa tindakan penipuan atau menyalahgunakan Kad.

2. Penggunaan Akaun Kad dan Kad

2.1 Bagaimana Akaun Kad dan Kad patut digunakan

- Kad adalah hak milik Bank dan mesti dipulangkan kepada Bank atas permintaan Bank.
- Korporat bersetuju untuk menyebabkan Pemegang Kad Penama dan Pemegang Kad Penama berjanji segera menurunkan tandatangan di belakang Kad selepas menerima Kad.
- Pemegang Kad Penama tidak boleh menggunakan Kad dan/atau Korporat tidak boleh menggunakan Akaun Kad atau membenarkan Kad tersebut digunakan untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau melibatkan penipuan atau membenarkan sesiapa sahaja untuk berbuat demikian. Jika Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat berbuat demikian, Korporat akan bertanggungjawab untuk penggunaan tersebut dan mungkin dikehendaki membayar balik Bank dan/atau Mastercard dan/atau Kad Perniagaan Visa di atas semua kerugian dan/atau kerosakan yang mana ianya ditanggung oleh Bank dan/atau Mastercard dan/atau Kad Perniagaan Visa disebabkan daripada penggunaan yang menyalahi undang-undang dan/atau penipuan.
- Walaupun apa pun yang disyaratkan oleh (c) di atas, Korporat tetap bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan Bank jumlah yang perlu dibayar bagi Transaksi yang terbabit, jika ada, dan perenggan (c) di atas tidak akan digunakan sebagai alasan untuk tidak membayar Bank.
- Kad hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad Penama.
- Pemegang Kad Penama akan dikeluarkan dengan PIN sementara melalui sebarang kaedah yang diatur oleh Bank secara langsung dengan Pemegang Kad Penama untuk tujuan melaksanakan Transaksi dengan Kad di mana-mana pembaca/terminal elektronik, ATM atau sebarang kemudahan yang memerlukan penggunaan PIN. Pemegang Kad Penama akan menukar PIN di mana-mana ATM Bank sebelum Transaksi pertama yang memerlukan penggunaan PIN.
- Pemegang Kad Penama dan Korporat bersetuju untuk menyebabkan Pemegang Kad Penama mematuhi dan terikat dengan semua arahan yang terkandung dalam pemberitahuan nasihat PIN/mel yang diterima bersama-sama dengan PIN, selepas perubahan PIN wajib seperti

- yang disediakan di (f) di atas, Pemegang Kad Penama akan mempunyai pilihan untuk menukar atau memilih PIN pada bilabila masa melalui ATM Bank atau sebarang cara yang ditetapkan seperti yang dinasihatkan oleh Bank dari masa ke semasa.
- (h) Sekiranya digesa untuk memasukkan PIN apabila menggunakan Kad untuk pembelian, Pemegang Kad Penama hendaklah memasukkan PIN, jika tidak, Transaksi mungkin ditolak. Jika PIN tidak diminta semasa pembelian dengan Kad di mana-mana pembaca/terminal yang dihadiri, dan transaksi diluluskan atau diselesaikan, tandatangan Pemegang Kad Penama diperlukan oleh Pedagang yang menghadiri pembaca/terminal.
 - (i) Pemegang Kad Penama boleh menghubungi Bank untuk mendapatkan atau memilih PIN baru jika Pemegang Kad Penama lupa PIN atau jika Pemegang Kad Penama memasuki PIN yang salah mengakibatkan PIN disekat.
 - (j) Korporat bertanggungjawab untuk semua Transaksi, caj, yuran, komisen, faedah, caj bayaran lewat, kos lain dan perbelanjaan sampingan yang dilaksanakan oleh penggunaan semua Kad dan didebitkan ke Akaun Kad tanpa mengira sama ada Transaksi itu dibenarkan oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat.

2.2 Penerimaan Kad

- (a) Kad lazimnya diterima oleh institusi kewangan dan Pedagang yang memaparkan simbol Kad Mastercard dan/atau Visa yang berpatutan dan diterima di mesin ATM dan cawangan perniagaan yang berkenaan sebagai kaedah pembayaran.
- (b) Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Korporat atau Pemegang Kad Penama dan tiada liabiliti akan ditanggung oleh Bank:
 - i jika mana-mana Pedagang mengubah harga bagi barangan dan perkhidmatan sama yang dibeli dengan Kad;
 - ii jika mana-mana institusi kewangan atau Pedagang yang memaparkan simbol kad kredit enggan menerima atau membenarkan penggunaan Kad; dan
 - iii terhadap sebarang pertikaian di antara Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama dan Pedagang untuk sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad.

Untuk mengelakkan keraguan, sebarang tuntutan dan/atau pertikaian yang wujud antara Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat dengan sebarang institusi kewangan atau Pedagang tidak akan melepaskan Korporat daripada tanggungan untuk membayar sebarang jumlah yang dihutang (selain daripada jumlah yang dipertikaikan sambil menantikan keputusan penyiasatan pertikaian). Korporat mungkin dikehendaki membuat bayaran berasaskan keputusan penyiasatan. Tambahan lagi, Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat berjanji untuk tidak melibatkan Bank dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang terhadap institusi kewangan dan/atau Pedagang tersebut.
- (c) Sebarang aduan tentang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad mesti diselesaikan oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat secara terus dengan Pedagang yang terbabit.
- (d) Di samping syarat Perjanjian ini, penggunaan Kad untuk urusan ATM adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal urusan ATM Bank dan/atau institusi kewangan ahli Mastercard/Visa yang turut serta.

2.3 Menggunakan Kad di luar Malaysia

- (a) Korporat dan setiap Pemegang Kad Penama adalah digalakkan untuk memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk pergi ke luar negara untuk mengelakkan gangguan kepada penggunaan Kad oleh Pemegang Kad Penama.
- (b) Di samping terma Perjanjian ini serta undang-undang dan peraturan Malaysia yang berkenaan, semua Transaksi, termasuk pendahuluan tunai, adalah tertakluk kepada undang-undang tempatan negara asing yang berkenaan yang perlu dipatuhi.
- (c) Semua caj, pembelian dan pendahuluan tunai akan ditukarkan daripada mata wang di mana urusan niaga diproses oleh Mastercard/Visa pada kadar tukaran seperti ditentukan oleh Mastercard/Visa sebelum Akaun Kad didebitkan dalam Ringgit Malaysia. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian yang disiarkan disebabkan turun naik pasaran.
- (d) Sekiranya penggunaan PIN tidak dapat disokong atau dilaksanakan apabila Kad diguna di luar negara, tandatangan Pemegang Kad Penama diperlukan oleh Pedagang di pembaca/terminal yang dikendalikan.

2.4 Tempoh sah dan luput Kad

- (a) Kad tersebut hanya boleh digunakan sehingga tarikh "valid thru" (sah sehingga) yang dipaparkan pada Kad. Pemegang Kad Penama yang berkenaan hendaklah, dan Korporat hendaklah memastikan bahawa Pemegang Kad Penama yang berkenaan memusnahkan Kad atau membuat yang sama tidak boleh digunakan, dengan memotong Kad kepada dua bahagian merentasi cip sebaik sahaja Kad Pemegang Kad Penama yang berkenaan luput.

2.5 Pembaharuan Kad

- (a) Tertakluk kepada Klausula 8, Korporat dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk memperbaharui tempoh sah Kad yang luput bagi pihak Korporat dan Pemegang Kad Penama untuk tujuan kesinambungan. Pembaharuan Kad akan dipaparkan menerusi tarikh "valid thru" baru pada Kad.
- (b) Sebarang Kad boleh diperbaharui oleh Bank apabila Kad digantikan akibat kehilangan, kecurian, kerosakan atau sebab lain atau apabila Kad baru dikeluarkan semula.
- (c) Bank berhak atas budi bicaranya untuk menggantikan atau mengeluarkan semula Kad pada bilabila masa. Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad adalah tertakluk kepada manamana perubahan lain yang dikenakan oleh Bank pada Kad atau di bawah Perjanjian ini selain daripada pembaharuan, termasuk dan tidak terhad kepada perubahan rekaan, penambahbaikan atau penurunan atau penaikan taraf Kad. Bank boleh menggantung penggunaan Kad dengan memberikan notis yang munasabah sekiranya Kad perlu digantikan akibat kehilangan, kecurian, kerosakan atau sebab lain.
- (d) Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad boleh melibatkan pengambilan balik atau penyimpanan Kad asal oleh Bank menerusi sebarang cara yang wajar (melainkan ia tidak dapat diperolehi akibat kehilangan atau kecurian). Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad tidak harus dianggap sebagai penamatan Perjanjian ini atau penutupan Akaun Kad.

3. Transaksi yang dibuat menerusi Kad

3.1 Transaksi atas Akaun Kad

- (a) Korporat bersetuju bahawa Bank boleh mendebitkan Akaun Kad bagi semua Transaksi yang dibuat atau dibenarkan oleh Pemegang Kad Penama dalam mana-mana cara yang berikut:
 - i. apabila Kad digunakan dengan atau tanpa PIN menerusi peralatan elektronik;
 - ii. apabila Kad diserahkan kepada Pedagang untuk diletakkan atau dimasukkan pada pembaca/terminal, atau bagi Kad mempunyai ciri "PayPass", "QuickPass" atau "PayWave", dengan menyentuh atau mengimbaskan Kad pada pembaca/terminal tanpa sentuhan ("Pemprosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan");
 - iii. apabila butiran tentang Akaun Kad atau Kad disediakan kepada Pedagang atau mana-mana pihak lain yang mana bayaran dibuat kepadanya, secara langsung atau menerusi pihak ketiga, dengan cara yang boleh diterima oleh Bank, sebagai contoh melalui telefon atau dalam talian; atau
 - iv. apabila dana dipindahkan secara elektronik menggunakan khidmat perbankan Internet, perbankan telefon atau perbankan mudah alih Bank.

- (b) Untuk perkara (ii), Pemprosesan Transaksi Tanpa Sentuhan membolehkan transaksi diproses tanpa perlu meleretkan Kad di pembaca jalur magnet atau pembaca cip. Dengan syarat transaksi pembelian adalah tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lim Puluh (RM250) atau sebarang nilai had yang dibenarkan atau ditetapkan oleh Mastercard/Visa dari masa ke masa untuk transaksi tempatan atau luar negara, sebarang pembelian melalui Pemprosesan Transaksi Tanpa Sentuhan mungkin tidak memerlukan PIN dan/atau tandatangan Pemegang Kad Penama untuk mengesahkan transaksi. Bagi mengelakkan keraguan, Korporat memahami dan memperakui kemudahan menggunakan Kad untuk pembelian yang melibatkan Pemprosesan Transaksi Tanpa Sentuhan dan menerima risiko yang dikaitkan dengannya. Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (a) di atas, Korporat hendaklah berjanji untuk bertanggungjawab terhadap semua transaksi yang melibatkan Pemprosesan Transaksi Tanpa Sentuhan tidak kira sama ada transaksi tersebut mendapat kebenaran Pemegang Kad Penama atau Korporat.

3.2 Pendahuluan Tunai

- (a) Di mana Transaksi yang dibenarkan oleh Pemegang Kad Penama adalah untuk Pendahuluan Tunai, Pemegang Kad Penama mungkin tertakluk kepada:
- Yuran Pendahuluan Tunai di bawah **Klausu 5**.
 - Had Kredit dan/atau had Pendahuluan Tunai yang ditetapkan oleh Bank dan/atau had pengeluaran harian ATM atau menerusi kaunter yang ditetapkan oleh Bank atau Bank Ahli Mastercard/Visa mengikut keadaan.
- Di mana terpakai, Pendahuluan Tunai boleh disediakan kepada Pemegang Kad Penama di Malaysia atau negara lain (seperti yang diluluskan dari masa ke masa). Korporat dengan ini bersetuju dengan kemudahan Pendahuluan Tunai yang disediakan kepada Pemegang Kad Penama.
- (b) Bank berhak untuk menentukan jumlah tunai yang boleh dikeluarkan di bawah Pendahuluan Tunai (jumlah yang mungkin lebih rendah daripada Had Kredit) atau menukar had Pendahuluan Tunai yang ditetapkan olehnya dari masa ke masa atas budi bicaranya

3.3 Transaksi berulang dan arahan tetap lain

- (a) Tertakluk kepada Klausu 3.1, setiap sebarang transaksi yang dibenarkan oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap (berjadual atau sebaliknya) menerusi sebarang langganan saluran bil atau aturan pembayaran di antara Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat dan Pedagang, Bank akan mendebitkan Akaun Kad dengan sewajarnya dan akan terus berbuat demikian selagi pembayaran berulang atau arahan tetap dibuat.
- (b) Bank akan terus mendebitkan Akaun Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap menurut perenggan (a) di atas walaupun nombor atau tarikh luput Kad ditukar atas sebab Kad digantikan atau dikeluarkan semula (sama ada akibat pembaharuan, kenaikan taraf dan/ atau penurunan taraf Kad dan/atau apa jua sebab sekalipun).
- (c) Korporat selanjutnya bersetuju bahawa sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad tidak akan dianggap sebagai pembatalan pembayaran berulang atau arahan tetap dan/ atau penamatan langganan saluran bil Korporat atau aturan pembayaran dengan Pedagang sehinggalah pembatalan dan/atau penamatan berkenaan dibuat secara terus oleh Korporat dengan Pedagang yang terlibat.
- (d) Walaupun dengan hak Bank di dalam perenggan (b) di atas, Korporat hendaklah bertanggungjawab untuk mengemaskinikan butiran Kad di bawah langganan saluran bil atau aturan pembayaran Korporat dengan mana-mana Pedagang dalam keadaan di mana berlakunya penggantian atau pengeluaran semula Kad dan/atau sebarang perubahan dengan Kad.

3.4 Transaksi dalam talian

- (a) Pemegang Kad dikehendaki memasukkan Kod Pengesahan Transaksi ("TAC")/AmSecure untuk melakukan transaksi dalam talian dengan pedagang 3D Secure yang mengambil bahagian.
- (b) TAC/AmSecure yang dikeluarkan adalah sulit sepenuhnya dan Pemegang Kad Penama tidak harus mendedahkan TAC/AmSecure kepada sesiapa pun dalam apa jua keadaan atau dengan sebarang cara lain sekalipun. Korporat bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua transaksi dalam talian yang dilaksanakan dengan penggunaan TAC.
- (c) TAC akan dihantar menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") ke talian mudah alih Pemegang Kad Penama yang didaftarkan dengan Bank. Pemegang Kad Penama hanya akan menerima TAC menerusi SMS apabila di luar Malaysia jika telefon bimbit Pemegang Kad Penama berada dalam mod perantaraan dan kos yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi akan ditanggung oleh Pemegang Kad Penama.
- (d) Sekiranya Pemegang Kad Penama tidak menerima TAC/AmSecure kerana ketidaksahan, kegagalan akses atau kegagalan sistem talian mudah alih berdaftar (termasuk tetapi tidak terhad kepada sistem Bank atau pihak ketiga, sebarang kegagalan atau kerosakan elektronik, mekanikal, sistem, virus komputer, pepijat atau masalah berkaitan kerosakan sistem operasi, kegagalan rangkaian telekomunikasi atau internet, gangguan bekalan kuasa atau UPS atau gangguan penghantaran lain), Pemegang Kad Penama boleh menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan di nombor yang dinyatakan di dalam Klausu 9.2(f) di bawah untuk bantuan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan selagi pihak Bank tidak melanggar Perjanjian ini atau didapati cuai, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat sekiranya Pemegang Kad Penama tidak dapat membuat pembelian dalam talian di rakan niaga 3D Secure yang mengambil bahagian kerana tidak menerima TAC/AmSecure yang disebabkan oleh keadaan yang tidak diduga dan tidak dapat dielakkan yang dinyatakan di sini.
- (e) Dalam keadaan di mana Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat memerlukan atau menggunakan sebarang khidmat atau perisian sokongan yang disediakan oleh mana-mana pihak ketiga untuk mengakses dan mengendalikan Perkhidmatan 3D Secure, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan pihak Bank tidak melanggar perjanjian ini ataupun disebabkan oleh sebarang kecuai, pihak Bank tidak menjamin keselamatan dan kerahsiaan maklumat yang dipindahkan menerusi penyedia perkhidmatan internet, penyedia rangkaian, atau penyedia rangkaian komunikasi atau apaapa sistem yang sedemikian dibawah mana- mana bidang kuasa.
- (f) Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat bertanggungjawab sepenuhnya terhadap komputer, sistem atau peranti lain milik Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat di mana transaksi dalam talian dilaksanakan dan Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat mesti mematuhi mana-mana syarat dikenakan dari masa ke masa oleh Bank dalam hal sedemikian.

4. e-Penyata Kad dan cara membuat bayaran

4.1 Menggunakan e-Penyata Kad

- (a) Korporat akan menerima penyata ringkasan semua Pemegang Kad Penama dan Pemegang Kad Penama akan menerima penyata kad individunya dalam bentuk penyata elektronik Bank ("e-Penyata") dan ringkasan dan e-Penyata individu akan dihantar ke alamat e-mel terakhir Korporat dan Pemegang Kad Penama yang didaftarkan dengan Bank dalam tempoh empat (4) Hari Perniagaan dari Tarikh e-Penyata dan akan dianggap telah diterima oleh Korporat dan Pemegang Kad Penama. Setelah menerima ringkasan dan e-Penyata masing-masing oleh Korporat dan Pemegang Kad Penama, Korporat dan Pemegang Kad Penama dianggap telah menyemak semua catatan dalam penyata tersebut.
- (b) Walau apa pun yang tersyarat dalam (a) di atas, Bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk tidak menghantar sebarang e-Penyata jika:
- tidak terdapat sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank dan/atau tiada transaksi bagi bulan berikut;
 - dalam keadaan di mana tidak ada pembayaran ke dalam Akaun Kad yang membawa kepada pembatalan Kad.

- (c) Korporat mesti membuat laporan secara bertulis kepada pihak Bank untuk memaklumkan sebarang kesilapan dalam e-Penyata dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penerimaan atau e-Penyata adalah dianggap telah diterima. Jika pihak Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis daripada Korporat dalam masa empat (14) hari kalendar yang tersebut bagi sebarang kesilapan dalam e-Penyata, maka Korporat dianggap telah menerima catatan dalam penyata yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam penyata sebagai betul dan sebagai bukti mutakhir dan muktamad bagi fakta yang terkandung dalam penyata.
- (d) e-Penyata akan dianggap sebagai muktamad dan mengikat wakil Korporat/pengganti yang sah di sisi undang-undang dan Korporat tidak boleh membuat tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa bahawa e-Penyata mengandungi sebarang kesilapan. Sebagai pengelakan keraguan, bukti penghantaran pemberitahuan bertulis kepada Bank bukan suatu bukti penerimaan pemberitahuan bertulis oleh Bank jika Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis Korporat.

4.2 Membuat bayaran

- (a) Selepas menerima e-Penyata, Korporat perlu membayar baki tertunggak atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar kepada Akaun Kad pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran seperti yang dinyatakan dalam e-Penyata.
- (b) Jika Korporat gagal untuk membuat bayaran menurut **Klausula 4.2(a)** di atas, Bank berhak untuk mengenakan caj ke atas Korporat dan Korporat bertanggungjawab untuk membayar caj yang berkenaan seperti yang ditetapkan di bawah **Klausula 5** Perjanjian ini.
- (c) Jika Korporat mempunyai lebih daripada satu Kad yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad, Korporat perlu membuat bayaran kepada setiap Kad masing-masing. Caj bayaran lewat akan dikenakan ke atas Kad dengan sebarang jumlah tertunggak yang belum dibayar.
- (d) Semua bayaran kepada Akaun Kad hendaklah dan mesti dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebarang bayaran oleh atau daripada Korporat tidak akan dianggap telah dibuat sehingga semua bayaran yang berkaitan telah diterima nilainya oleh Bank. Bagi sebarang bayaran yang dibuat menerusi cek luar, bayaran hendaklah termasuk komisen bank (di mana terpakai). Bank berhak untuk mendebitkan jumlah komisen daripada Akaun Kad sekiranya Korporat gagal memasukkannya dalam bayaran.
- (e) Bayaran yang dibuat oleh Korporat kepada Akaun Kad akan digunakan untuk membayar jumlah tertunggak yang dikenakan caj kewangan tertinggi terlebih dahulu.
- (f) Jika Korporat telah menjelaskan sepenuhnya baki tertunggak bulan sebelumnya atau pada Tarikh Matang Pembayaran yang berkenaan (seperti yang dicatatkan dalam e-Penyata bulan semasa), Korporat akan menikmati manfaat Tempoh Tanpa Faedah pada bulan semasa untuk transaksi runcit baru yang dicatatkan ke dalam e-Penyata bulan semasa. Jika Korporat memilih untuk membayar sebahagian daripada jumlah baki tertunggak atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar daripada Penyata Kad sebelumnya, faedah atas transaksi runcit dalam bulan semasa akan dikira dari tarikh transaksi tersebut dicatatkan pada Akaun Kad.
- (g) Jika Korporat membayar Bank jumlah yang melebihi jumlah baki tertunggak ("Prabayaran"), Bank berhak untuk mengesahkan sumber dana Prabayar sehingga ia berpuas hati sebelum menggunakan jumlah Prabayaran tersebut terhadap transaksi runcit baru yang dicatatkan dengan penggunaan Kad. Sementara mendapatkan pengesahan sumber dana, Bank boleh menggantung penggunaan Kad seperti yang ditetapkan di bawah Klausula 8 dan/atau menolak sebarang transaksi yang cuba dilaksanakan menerusi Kad selepas Prabayaran dibuat.
- (h) Sebarang tuntutan, kesilapan atau ketidaktepatan, jika terbukti, akan diselaraskan dan dipaparkan di dalam e-Penyata yang akan datang atau seterusnya.

5. Yuran dan Caj

5.1 Pembayaran yuran dan caj

- (a) Bank akan mendebitkan yuran dan caj berikut (yang mana berkenaan) daripada Akaun Kad:
- Yuran tahunan.** Ini merupakan yuran tahunan bagi Kad yang dikeluarkan atau diperbaharui, dan boleh diubah oleh Bank dari masa ke masa.
 - Cukai perkhidmatan Kad Kredit.** Ia adalah caj untuk cukai perkhidmatan (atau cukai lain yang berkaitan) yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa berkenaan.
 - Caj faedah.** Ini merupakan caj kewangan ke atas baki tertunggak di dalam Akaun Kad. Caj ini adalah berasaskan kadar tentuan yang dikira atas dasar baki harian mengikut rekod pembayaran Korporat di bawah 3 senario ("Caj Pembiayaan Bertingkat") seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Yuran & Caj dibawah **Appendiks 1**. Caj Pembiayaan Bertingkat tidak terpakai bagi Pendahuluan Tunai.
 - Caj bayaran lewat.** Ini merupakan caj bagi pembayaran lewat baki tertunggak yang belum dibayar. Yuran ini akan dicajkan pada kadar atau jumlah minimum yang ditentukan oleh Bank (yang mana lebih tinggi) sehingga ke jumlah maksimum yang ditetapkan oleh Bank dan ia akan dikenakan selepas Tarikh Matang Pembayaran. Di dalam keadaan di mana Kad dibatalkan, caj bayaran lewat akan terus dikenakan selagi terdapat baki tertunggak yang belum dibayar dan perlu dibayar. Dalam keadaan tersebut, kadar maksimum bagi pembayaran lewat baki tertunggak yang dicajkan sebelum pembatalan tidak akan terpakai.
 - Yuran Pendahuluan Tunai.** Ini merupakan yuran bagi Pendahuluan Tunai menurut Klausula 3.2. Yuran ini akan dikenakan berdasarkan jumlah wang tunai yang dikeluarkan pada kadar atau jumlah minimum yang ditetapkan oleh Bank (yang mana lebih tinggi), dan akan didebitkan daripada Akaun Kad pada tarikh catatan bagi Pendahuluan Tunai tersebut.
 - Caj Faedah Pendahuluan Tunai.** Di samping yuran Pendahuluan Tunai, caj faedah bulanan pada kadar tentuan Bank yang dikira atas baki harian akan dikenakan atas Amaun Pendahuluan Tunai dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehinggalah bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.
 - Yuran permintaan Penyata Kad Tambahan.** Ini merupakan yuran perkhidmatan bagi sebarang permintaan untuk salinan Penyata Kad atau untuk salinan lanjutan bagi Penyata Kad yang sama.
 - Yuran penggantian Kad.** Ini merupakan yuran perkhidmatan bagi sebarang Kad gentian yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad atas permohonan Pemegang Kad akibat kehilangan, kerosakan atau atas sebab lain untuk menggantikan kad.
 - Yuran ciri pilihan (jika terpakai).** Ini merupakan yuran yang timbul daripada sebarang ciri pilihan yang diberikan di bawah Kad menurut **Klausula 6(b)**. Yuran ini akan dikenakan ke atas Akaun Kad berasaskan ciri khusus yang didaftarkan oleh Korporat. Yuran yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis ciri, dan dicajkan secara tahunan dan didebitkan daripada Akaun Kad semasa pendaftaran.
 - Yuran guaman, kos dan/atau perbelanjaan guaman yang berkaitan.** Ini merupakan caj yang dikenakan oleh Bank bagi perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank sekiranya Bank menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian ini untuk memperolehi kembali semua atau sebahagian daripada wang yang dihutang oleh Korporat kepada Bank dalam Akaun Kad.
- (b) Sekiranya berlaku pembatalan Kad atau penamatan Perjanjian ini sama ada oleh Bank atau Korporat, tiada pemulangan yuran tahunan, cukai perkhidmatan atau sebarang yuran atau caj lain yang dikenakan (atau mana-mana bahagiannya) akan dibuat oleh Bank kepada Korporat.

5.2 Perubahan kepada yuran dan caj

- (a) Jumlah yuran, kadar, cukai atau caj yang disebutkan di atas adalah dinyatakan dalam Jadual Yuran & Caj di dalam **Appendiks 1** kepada Perjanjian ini.
- (b) Yuran, kadar, cukai atau caj di atas boleh diubah dan dikenakan pada bila-bila masa dan/atau dari masa ke masa oleh Bank dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar melalui pos dan/atau ke alamat terakhir korporat yang diketahui

dan/atau alamat emel dan/atau dengan penerbitan di laman web Bank. . Selain itu, korporat adalah bertanggungjawab untuk menyemak yuran, kadar, cukai dan caj terkini di laman web rasmi Bank atau menerusi Pusat Kad Bank.

6. Manfaat dan Keistimewaan Kad

- (a) Kad mungkin menyediakan program yang merangkumi ganjaran, tawaran dan promosi, yang akan melibatkan Pedagang dan Rakan Niaga Bank. Bagi Kad yang menyediakan program ganjaran, terma dan syarat program dinyatakan dalam **Appendiks 2** kepada Perjanjian ini.
- (b) Bagi suatu Kad terpilih atau khas, Kad tersebut mungkin menawarkan ciri pilihan yang mana Korporat boleh mendaftar untuk semua atau mana-mana ciri yang disediakan, tertakluk kepada yuran ciri Pilihan yang terpakai menurut **Klausula 5**. Korporat akan terikat kepada terma dan syarat tambahan berdasarkan ciri pilihan tersebut seperti yang terkandung dalam dokumen lampiran tambahan berasingan atau dokumen tambahan bagi Kad terpilih atau khas, yang juga boleh disediakan di www.ambank.com.my.

7. Keselamatan Kad & PIN dan Kad Yang Hilang/Dicuri

7.1 Maklumat yang disediakan dan dikemaskinikan oleh Korporat

- (a) Bagi tujuan Bank dalam menguruskan dan menyelenggarakan Akaun Kad, penggunaan Kad dan penghantaran PIN dan e-Penyata, Korporat hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh Korporat kepada Bank (termasuk bagi pihak Pemegang Kad Penama yang dicalonkan oleh Korporat) adalah tepat, terkini dan dikendalikan dengan cara yang selamat dan terlindung.
- (b) Korporat hendaklah mengemaskinikan dan menyebabkan Pemegang Kad Penama untuk mengemaskinikan maklumat dan butiran Pemegang Kad Penama atas permintaan Bank untuk tujuan rekod, pengesahan dan keselamatan Bank dari masa ke masa.
- (c) Korporat hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis atau menghubungi Pusat Hubungan Bank mengenai apa-apa perubahan dalam alamat perniagaan Korporat atau maklumat korporat yang berkaitan atau alamat kediaman atau nombor telefon Pemegang Kad Penama atau perubahan pekerjaan atau perniagaan dan Bank akan membuat perubahan dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas makluman sedemikian.

7.2 Penyalahgunaan Kad dan Pendedahan PIN

- (a) Jika Kad atau butiran Kad dan/atau PIN telah diperolehi oleh pihak ketiga dengan keizinan Pemegang Kad Penama, Korporat akan bertanggungjawab terhadap penggunaan Kad oleh pihak ketiga tersebut atau sesiapa sahaja, walaupun jika Korporat atau Pemegang Kad Penama tidak membenarkan Transaksi tersebut, sehingga Bank menerima pemberitahuan dan arahan daripada Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama untuk menggantungkan dan/ atau membatalkan penggunaannya.
- (b) PIN hendaklah dianggap sebagai maklumat sulit dan disimpan rapi oleh Pemegang Kad Penama dan tidak harus didedahkan kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan atau untuk apa jua sebab. Pemegang Kad Penama hendaklah:
 - i. memusnahkan sebarang maklumat/surat pemberitahuan PIN; ii. tidak menyimpan sebarang rekod bertulis PIN dengan atau berhampiran dengan Kad; iii. tidak memaparkan atau membenarkan orang lain untuk melihat PIN dalam sebarang proses memasukkan PIN;
 - iv. tidak memilih PIN atau menggunakan PIN dengan cara yang cuai atau melalui yang menyebabkan atau menimbulkan kerugian akibat transaksi tidak sah daripada penggunaan Kad oleh pihak ketiga; dan
 - v. memaklumkan Bank serta-merta selepas menyedari PIN sedang digunakan atau diketahui oleh orang lain.

7.3 Kehilangan atau Kecurian Kad

- (a) Pemegang Kad Penama perlu mengambil segala langkah berhati-hati secara munasabah dan berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad.
- (b) Korporat mempunyai obligasi untuk memaklumkan dan menyebabkan Pemegang Kad Penama memaklumkan Bank atau jika di luar Malaysia, untuk memaklumkan mana-mana institusi ahli Mastercard International dan/atau Visa International (yang mana terpakai) serta-merta untuk mengesahkan secara bertulis jika Kad hilang atau dicuri. Korporat hendaklah segera menyebabkan Pemegang Kad Penama untuk membuat laporan polis mengenai kehilangan Kad Pemegang Kad Penama dan mengemukakan salinan laporan kepada Bank.
- (c) Jika Kad yang dilaporkan hilang/dicuri diperolehi kembali, Pemegang Kad Penama hendaklah memulangkan Kad yang dipotong dua dan ditebuk lubang pada bahagian cip kepada Bank sertamerta setelah memperolehi Kad kembali.
- (d) Bagi sebarang transaksi tanpa kebenaran yang telah dibuat dengan menggunakan Kad Korporat yang telah hilang atau dicuri, Korporat boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar jumlah transaksi seperti berikut:
 - i. sehingga RM250 sahaja bagi setiap Kad, sekiranya Korporat atau Pemegang Kad Penama tidak bertindak melanggar Perjanjian ini, tidak bertindak dengan cuai, tidak bertindak melakukan penipuan, telah memberitahu Bank dan telah bertindak mematuhi syarat yang dinyatakan dalam **Klausula 7.3(b)** dengan seberapa segera yang munasabah dapat dilaksanakan selepas penemuan kehilangan atau kecurian Kad; atau
 - ii. sehingga jumlah penuh atau maksimum yang ditransaksikan, jika didapati dan terbukti bahawa Korporat atau Pemegang Kad Penama telah melanggar Perjanjian ini, telah bertindak secara cuai, secara fraud, gagal memberitahu Bank dan tidak bertindak sesuai dengan syarat yang dinyatakan dalam **Klausula 7.3(b)** dengan seberapa segera yang munasabah selepas mendapati kehilangan atau kecurian Kad.
- (e) Korporat bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang disebabkan oleh apa-apa tindakan penipuan yang dilakukan atau ditimbulkan oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat dan/atau pekerjanya, hamba atau ejen atas penyalahgunaan Kad menurut **Klausula 7.2**.
- (f) Bagi tujuan mencegah penipuan dan jenayah di dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk menolak sebarang transaksi yang dibuat menggunakan Kad pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan/atau tanpa perlu memberikan apa jua sebab. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian (termasuk kehilangan reputasi) atau kerosakan apa-apa pun dan bagaimanapun yang disebabkan (sama ada kepada Korporat atau Pemegang Kad Penama atau selainnya) oleh pelaksanaan hak Bank untuk tujuan dan di bawah keadaan sedemikian.

8. Penggantungan dan Pembatalan Kad atau Penamatan Kemudahan Kad dan Penutupan Akaun Kad

8.1 Penggantungan dan Pembatalan Kad oleh Bank

- (a) Bank boleh menggantungan Kemudahan Kad dan Akaun Kad (menarik balik hak Korporat untuk menggunakan Kemudahan Kad secara sementara) atau penggunaan mana-mana atau semua Kad (menarik balik hak mana-mana atau semua Pemegang Kad Penama untuk menggunakan Kad secara sementara) atau membatalkan Kemudahan Kad, Akaun Kad dan/ atau mana-mana atau semua Kad (menamatkan penggunaan, semua atau mana-mana Kad yang dikeluarkan dan Perjanjian ini) dengan notis yang munasabah pada bila-bila masa atas budi bicaranya demikian atau selepas berlakunya manamana kejadian berikut, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - i. jika Korporat gagal melaksanakan dan/atau mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini atau mana-mana Pemegang Kad Penama gagal menggunakan Kad dengan betul dalam mematuhi ketat dengan terma Perjanjian ini;

ii. jika Korporat:

- mengendalikan Akaun Kad dengan cara yang tidak wajar atau kurang memuaskan;
- mengendalikan akaun bank miliknya yang lain bersama Bank dengan cara tidak wajar atau kurang memuaskan;
- mengendalikan mana-mana kemudahan kad atau akaun bank yang mungkin dimiliki oleh Korporat dengan institusi kewangan lain dengan cara yang tidak wajar atau kurang memuaskan;
- melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran terhadap mana-mana peruntukan perjanjian dan/atau dokumen sekuriti (termasuk perjanjian penyelesaian) di bawah mana-mana produk/perkhidmatan Bank atau Kumpulan AmBank atau berhubung dengan akaun atau kemudahan pembiayaan lain yang diberikan oleh Bank di bawah Kumpulan AmBank atau mana-mana institusi kewangan lain kepada Korporat (atau kepada mana-mana pihak lain di mana Korporat merupakan penjamin atau penggadai atau penyerah hak).

iv. jika Korporat menjadi muflis atau mengambil tindakan yang menyebabkan kebangkrutan;

v. jika sebarang perintah undang-undang atau keputusan penghakiman dibuat oleh mana-mana mahkamah undang-undang atau badan kehakiman ke atas atau terhadap Korporat dalam sebarang tindakan atau prosiding undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan untuk sebarang bentuk pelaksanaan di bawah apa jua tuntutan atau di bawah apa-apa remedi undang-undang atau keadilan (sama ada atas dasar sementara atau sebaliknya);

vi. jika berkaitan dengan penamatan penggunaan Kad, dalam kejadian di mana berlaku kejadian atau timbulnya suatu keadaan yang boleh menjejaskan keupayaan Korporat untuk melaksanakan kewajibannya di bawah Perjanjian ini atau menjejaskan pembayaran balik jumlah tertunggak atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar kepada Bank di bawah Akaun Kad;

vii. jika berkaitan dengan penamatan penggunaan Kad, dalam kejadian di mana Pemegang Kad Penama meninggal dunia; dan atau.

viii. jika Kad atau PIN telah digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.

ix. sekiranya Perbadanan gagal mengemukakan sebarang maklumat atau dokumen yang diminta oleh Bank sehingga mencapai kepuasan Bank dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Bank.

(b) Sebagai lanjutan kepada Klausu 8.1(a) di atas, sebarang penggantungan atau pembatalan Kad oleh Bank:

- boleh menjejaskan kad lain yang sedia ada atau aktif di bawah sebarang kemudahan kad lain yang diberikan oleh Bank atau di bawah Kumpulan AmBank kepada Korporat; dan;
- tidak akan menjejaskan sebarang hak lain Bank di bawah Perjanjian ini.

(c) Bank akan menyatakan dalam notis seawalnya atas sebab-sebab penamatan seperti yang diperuntukkan dalam **Klausu 8.1 (b)** di atas.

8.2 Pembatalan Kemudahan Kad dan Akaun Kad oleh Korporat.

Korporat boleh menamatkan Kemudahan Kad, Akaun Kad dan Perjanjian ini atau membuat pembatalan mana-mana Kad yang dikeluarkan atas permintaannya dengan memberikan arahan bertulis kepada Bank untuk berbuat demikian bersama dengan pemulangan semua Kad yang berkaitan yang telah dipotong separuh ke Pusat Kad Bank sebelum pembatalan berkuatkuasa. Sebarang penamatan atau pembatalan tidak akan menjejaskan hak, kewajiban dan obligasi Korporat yang terakru sebelum penamatan atau pembatalan tersebut dan Korporat dikehendaki menyelesaikan semua jumlah tertunggak yang kena dibayar atau baki belum dibayar di bawah Akaun Kad.

8.3 Hak Bank selepas Pembatalan Kad

(a) Selepas Kad dibatalkan sama ada oleh Bank atau Korporat, semua wang yang dihutang kepada Bank menjadi matang dan perlu dibayar dengan serta-merta. Korporat perlu menjelaskan sepenuhnya kesemua wang yang dihutang dan tertunggak di bawah Akaun Kad atas permintaan Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian memberi hak kepada Bank untuk mengambil tindakan pada bila-bila masa yang dianggap perlu untuk mendapatkan kembali wang tersebut, bersama dengan yuran dan caj menurut **Klausu 5**. Kegagalan bertindak atau kelewatan di pihak Bank tidak boleh dianggap sebagai penepian hak Bank untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian ini.

(b) Sebagai lanjutan kepada perenggan **Klausu 8.3(a)** di atas, Bank juga berhak untuk:

- menutup Akaun Kad;
- menggantung atau membatalkan mana-mana kemudahan kad lain yang sedia ada atau aktif yang diberikan oleh Bank atau di bawah Kumpulan AmBank kepada Korporat selagi terdapat hutang tertunggak yang belum dibayar daripada Kad yang dibatalkan atau baki yang terhutang dalam Akaun Kad;
- untuk melaksanakan hak untuk menolak selesai hutang menurut Klausu 11(h); dan/atau iv. untuk memaparkan Nombor Kad pada Buletin Pembatalan dan/atau
- mengedarkannya kepada semua Pedagang dan/atau Bank Ahli Mastercard/Visa

9. Pendedahan Maklumat & Dasar Privasi

9.1 Pendedahan Maklumat Pemegang Kad Penama dan Korporat

(a) Pemegang Kad Penama dan Korporat memberikan persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan, atas budi bicara Bank, semua/sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan Perjanjian ini, Pemegang Kad Penama, tingkah laku dan hal ehwal Korporat berkaitan dengan Akaun Kad termasuk semua maklumat yang berkaitan dengan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad Penama dan Transaksi di atasnya (secara kolektif "Maklumat Korporat") kepada/untuk:

- mana-mana syarikat di dalam Kumpulan AmBank, ejen, pekerja dan/atau sekutunya atau orang yang dianggap perlu oleh Bank untuk tujuan yang dianggap wajar di bawah Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad:
 - untuk menyelaraskan pelaksanaan dan fungsi Bank dan Kumpulan AmBank;
 - untuk mencegah jenayah dan untuk audit, kutipan hutang dan tujuan pemprosesan perkhidmatan;
 - untuk menyiasat, melaporkan dan mencegah sebarang pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti jenayah secara umum;
- mana-mana Pedagang, Bank Ahli Mastercard/Visa, Mastercard/Visa dan mana-mana institusi ahli Mastercard/Visa yang menerima Kad;
- mana-mana pihak berkuasa dan pengawalselia yang bertindak di bawah kuasa yang diberi di bawah sebarang undang-undang yang berkuat kuasa;
- tujuan sebarang saman/prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh manamana pihak ketiga berkaitan dengan Perjanjian ini, Akaun Kad, Kemudahan Kad, Kad atau sebarang Transaksi;
- tujuan sebarang saman/prosiding undang-undang yang difailkan oleh Bank terhadap manamana pihak ketiga untuk mendapatkan kembali sebarang hutang atau kerugiannya di bawah Perjanjian ini, Akaun Kad, Kemudahan Kad, Kad atau sebarang Transaksi;
- pihak polis/pihak berkuasa penyiasatan yang lain, untuk tujuan siasatan mereka terhadap apa-apa jenayah (termasuk apa-apa aktiviti pengubahan wang haram dan kegiatan pembiayaan keganasan) sama ada oleh Pemegang Kad Penama atau Korporat atau sebaliknya;

- vii. pihak polis/pihak berkuasa penyiataan yang lain, untuk tujuan membolehkan laporan yang berkenaan dibuat oleh Bank dan untuk menjalankan penyiataan berhubung dengan laporan tersebut, jika Bank berpendapat bahawa suatu jenayah telah dilakukan/ untuk mencegah/mendapatkan kembali kerugian yang ditanggung oleh Bank untuk pencegahan jenayah;
 - viii. mana-mana pihak yang pada masa hadapan boleh menyatakan niat untuk memperoleh apaapa kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut sebarang cadangan pengaturan, penyusunan, penggabungan, pemerolehan/penyusunan semula antara Bank dan pihak berkenaan;
 - ix. penasihat profesional luar Bank dan Kumpulan AmBank; dan/atau;
 - x. sebarang tujuan lain yang ditetapkan oleh atau yang mematuhi undang-undang dan peraturan.
- (b) Sekiranya terdapat sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan oleh Bank terhadap Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat di bawah Perjanjian ini untuk tujuan mendapatkan kembali hutang atau apa-apa kerugian lain yang dialami oleh Bank, Pemegang Kad Penama dan Korporat memberi persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan butir-butir dan maklumat yang berkaitan dengan Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat dan kertas tujuan prosiding undang-undang tersebut kepada mana-mana agensi pelaporan kredit di Malaysia.

9.2 Privasi

- (a) Pemegang Kad Penama dan Korporat untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (yang boleh didapati di www.ambank.com.my) dan klausa-klausa di dalam ini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi beliau. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Penama dan Korporat bersetuju bahawa Notis Privasi hendaklah dianggap sebagai digabungkan menerusi rujukan dalam Perjanjian ini.
- (b) Sekiranya Pemegang Kad Penama atau Korporat memberikan maklumat peribadi dan/ atau kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang berkaitan dengan Pemegang Kad Penama atau waris kadim Pemegang Kad Penama, tanggungan atau pengarah Korporat, pemegang saham, pegawai, penandatanganan yang diberi kuasa, penjamin dan/atau penyedia keselamatan, untuk tujuan membuka atau mengendalikan Akaun Kad dan/atau Kemudahan Kad dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Kad Penama dan Korporat:
 - i. mengesahkan dan mewakili bahawa mereka telah memperoleh persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat tersebut kepada Bank dan Bank boleh menggunakannya menurut Perjanjian ini dan untuk memberikan maklumat tentang produk, perkhidmatan dan/atau tawaran Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran entiti lain di dalam Kumpulan AmBank) yang dianggap oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank mungkin menarik minat atau membawa manfaat kepada mereka;
 - ii. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
 - iii. mengesahkan dan mewakili bahawa mereka telah memperoleh keizinan pihak ketiga tersebut untuk Bank menjalankan semua pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan rujukan kredit untuk memastikan status pihak ketiga tersebut;
 - iv. bersetuju untuk memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan penting kepada maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut; dan
 - v. bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kad sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- (c) Apabila Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat memberi arahan kepada Bank untuk melaksanakan sebarang transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran transaksi rentas sempadan yang berkenaan (termasuk maklumat berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen Bank di luar negara, pihak kawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berhubung dengan tugas sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dalam menyampaikan arahan kepada Bank dan/atau ejen kami untuk menjalankan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat, Pemegang Kad Penama dan Korporat bersetuju dengan pendedahan yang dinyatakan di atas bagi pihak Pemegang Kad Penama dan Korporat dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- (d) Di samping itu, dengan syarat ia mematuhi sebarang undang-undang, (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang berkuat kuasa ke atas Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pemegang Kad Penama dan Korporat bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, pedagang dan rakan strategik mereka boleh menghubungi Pemegang Kad Penama dan Korporat berkaitan produk, perkhidmatan dan tawaran yang dianggap oleh Bank dan Kumpulan AmBank sebagai mungkin menarik minat atau membawa manfaat kepada Pemegang Kad Penama dan Korporat.
- (e) Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pemegang Kad Penama dan Korporat melalui pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, pesanan elektronik/mudah alih, faksimili atau pos, dengan menggunakan maklumat hubungan yang diberikan oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat.
- (f) Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat boleh memaklumkan Bank pada bila-bila masa jika Pemegang Kad Penama atau Korporat tidak ingin menerima komunikasi pemasaran dari Bank, Kumpulan AmBank dan/atau pedagang dan rakan niaga mereka, dengan menghubungi Bank di pelbagai saluran yang diberikan di bawah: Pegawai Perkhidmatan Pelanggan
Telefon :
+603 2178 8888
E-mel : customercare@ambankgroup.com
Pos : Pusat Perhubungan Bank, No. Peti Surat 12617, 50784 Kuala Lumpur
- (g) Arahan bertulis terkini Korporat kepada Bank akan diguna pakai. Korporat mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti e-Penyata dan laman web Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat piawai mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/operasi/ penyediaan Kad dan/atau tanpa kos tambahan yang dikenakan kepada Korporat.
- (h) Bank boleh menggunakan agensi pelaporan kredit untuk membantu membuat keputusan (dan Korporat dan Pemegang Kad Penama dengan ini membenarkan penggunaan sedemikian), sebagai contoh apabila Bank perlu:
 - i. menyemak butiran mengenai permohonan Kemudahan Kad, pengeluaran Kad, kemudahan kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain yang disediakan kepada Korporat;
 - ii. menguruskan dan mengkaji Perjanjian ini atau Akaun Kad; dan/atau iii. mengutip hutang yang ditanggung oleh Korporat.
- (i) Korporat akan dikaitkan oleh agensi pelaporan kredit dengan mana-mana nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Korporat. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Korporat dan cara Korporat menguruskan Kad dengan agensi pelaporan kredit yang berkenaan.
- (j) Walaupun setelah Korporat memberikan maklumat kepada Bank, Korporat mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk tidak menyediakan atau menamatkan penyediaan Kad yang dikaitkan dengan maklumat tersebut.
- (k) Bank berhak untuk meminda klausa-klausa di bawah bahagian ini dari masa ke masa dengan memberikan notis sebanyak dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat mengikut **Klausa 10** di bawah.
- (l) Bahagian ini tidak menjejaskan **Klausa 9.1** yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

10. Perubahan kepada Perjanjian ini

- (a) Bank berhak untuk meminda, menambah atau menggugurkan terma dan syarat Perjanjian ini dari masa ke masa dengan:
 - i. memaklumkan Pemegang Kad Penama dan Korporat sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal; dan
 - ii. memaklumkan dan menerbitkan terma dan syarat baru atau sebarang perubahan kepada Perjanjian ini sebelum tarikh kuat kuasa dengan sebarang cara yang dianggap wajar oleh Bank. Pemegang Kad Penama dan Korporat perlu menyemak laman web rasmi Bank dari masa ke masa untuk maklumat terkini tentang terma dan syarat Perjanjian ini.
- (b) Pemegang Kad Penama dan Korporat akan terikat oleh sebarang perubahan kepada Perjanjian ini pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dan dimaklumkan oleh Bank menurut perenggan (a) di atas. Jika Pemegang Kad Penama tidak bersetuju dengan perubahan tersebut, Pemegang Kad Penama berhak untuk memulangkan Kad kepada Korporat yang dipotong dua dan meminta Korporat mengeluarkan suatu notis bertulis tentang penamatan Kad tersebut kepada Pusat Kad Bank. Jika Korporat tidak bersetuju dengan perubahan sedemikian, Korporat berhak untuk menamatkan Kemudahan Kad dan Perjanjian ini dengan serta-merta menurut **Klausa 8.2** dan menjelaskan sepenuhnya semua amaun tertunggak di bawah Akaun Kad menurut **Klausa 8.3(a)**.
- (c) Penyimpanan Kad oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat, di mana yang berkenaan, (sama ada Kad digunakan atau tidak) selepas tarikh berkuatkuasa apa-apa perubahan kepada Perjanjian ini akan dianggap sebagai penerimaan perubahan itu tanpa sebarang keraguan atau bantahan oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat, di mana yang berkenaan.

11. Syarat Am

- (a) Undang-undang - Perjanjian ini diurus tadbir oleh dan ditakrifkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Penama dan Korporat bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.
- (b) Masa - Masa, di mana dinyatakan di bawah Perjanjian ini, menjadi asas Perjanjian ini.
- (c) Penepian - Kegagalan atau kelewatan bertindak oleh pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak di bawah Perjanjian ini tidak boleh dianggap sebagai suatu penepian dan tidak akan menjejaskan hak-hak tersebut.
- (d) Pengekalan Hak dan Kelayakan - Segala hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan memberi kesan sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh pembatalan Kemudahan Kad dan/atau penutupan Akaun Kad dan/atau sebarang penggantungan atau pembatalan mana-mana Kad yang dikeluarkan oleh Bank.
- (e) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 - Korporat hendaklah menyatakan pada borang permohonan jika ia merupakan pihak berkaitan menurut "Garis Panduan Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan" berhubung dengan Seksyen 42 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Jika tiada kenyataan atau pengesahan diberikan pada borang permohonan, Korporat hendaklah dianggap sebagai pihak tidak berkaitan.
- (f) Indemniti - Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan pihak Bank tidak melanggar Perjanjian ini atau didapati cuai, Korporat akan menanggung rugi Bank dari sebarang kerugian atau kerosakan, kos dan perbelanjaan, yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat pelanggaran apa-apa terma dan syarat Perjanjian ini oleh Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama (termasuk daripada penguatkuasaan terma dan syarat tersebut terhadap Korporat dan/atau Pemegang Kad Penama). Bagi penama-penama Korporat, Korporat bertanggungjawab untuk semua pelanggaran mengenai terma Perjanjian ini dan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad Penama.
- (g) Force Majeure - Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad Penama atau Korporat untuk sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan luar biasa dan tidak dapat dijangka di luar kawalan munasabah pihak Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk apa-apa bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam, tindakan pengganas, pertikaian industri, kerusuhan buruh, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemalangan, kerosakan mesin, sistem pemprosesan data atau sambungan transmisi atau kegagalan sistem telekomunikasi atau kegagalan elektrik.
- (h) Hak untuk Menolak Selesai - Korporat bersetuju bahawa Bank boleh melaksanakan hak untuk menolak selesai hutang dengan:
 - i. menggabungkan atau menyatukan semua akaun perbankan yang dimiliki oleh Korporat. Ini termasuk akaun atas nama Bank atau dipegang bersama oleh Korporat dengan pihak lain, di mana akaun bersama tersebut adalah di bawah nama Korporat (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebarang bentuk akaun lain dan sama ada tertakluk kepada notis atau dalam apa jua mata wang);
 - ii. memindahkan sebarang jumlah kredit bagi mana-mana akaun tersebut untuk atau demi menjelaskan semua liabiliti Korporat kepada pihak Bank, termasuk dan tidak terhad kepada penjelasan baki debit yang dihutang di bawah Akaun Kad; menggantung dan/atau melarang sebarang pengeluaran daripada akaun semasa dan deposit Korporat yang dikekalkan dengan Bank. Bank hendaklah memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Korporat tentang hasratnya untuk melaksanakan haknya untuk menolak selesai hutang (termasuk memindahkan sebarang baki kredit dalam akaun semasa dan deposit Korporat untuk membayar baki debit Akaun Kad). Pihak Bank hanya akan melaksanakan haknya untuk menolak apabila tamat tempoh notis tersebut.
- (i) Alamat - Sebarang surat atau notis kepada Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat hendaklah dihantar dengan tangan atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar ke alamat Korporat yang dinyatakan dalam borang permohonan Kad atau ke mana-mana alamat baru yang dimaklumkan oleh Korporat kepada Bank dari semasa ke semasa. Sebarang penghantaran melalui pos hendaklah dianggap telah diterima dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad Penama dan/atau Korporat dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan selepas diposkan. Kegagalan pihak Korporat untuk memaklumkan sebarang pertukaran alamat yang menyebabkan kelewatan atau pemulangan surat dan notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.
- (j) Penyerahan Proses Undang-Undang - Korporat dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang Writ Saman atau proses undang-undang berkaitan dengan apa-apa tuntutan yang timbul atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan mengemukakan satu salinan dokumen tersebut melalui pos berdaftar prabayar dan satu salinan dokumen sama melalui pos biasa ke alamat Korporat yang dinyatakan dalam borang permohonan Kad atau ke alamat yang dimaklumkan oleh Korporat kepada Bank dari masa ke masa.
- (k) Pelantikan Ejen - Bank berhak untuk melantik ejen pilihannya untuk mengutip semua dan apaapa wang yang dihutang dan tertunggak kepada Bank di bawah Akaun Kad dan/atau yang timbul daripada tanggungan/liabiliti Korporat di bawah Akaun Kad atau Perjanjian ini.
- (l) Akaun Tergantung - Dalam keadaan terhad di mana ada munasabah termasuk tetapi tidak terhad apabila akaun Pemegang Kad telah terjejas akibat prosiding undang-undang yang berkaitan yang sedang berlangsung, atau apabila terdapat wang baki selepas ditolak jumlah yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad, Bank akan menempatkan sebarang bayaran yang diterima menurut Perjanjian ini dalam bahagian kredit akaun tergantung yang tidak dibayar faedah. Bank boleh menggunakan bayaran atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan sebarang wang yang perlu dibayar, dihutang atau ditanggung oleh Korporat. Bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang tindakan undang-undang yang diambil terhadap Korporat seperti kebangkrutan atau kemufilsan, Bank mungkin bersetuju membuktikan atau bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau skim penyusunan bagi keseluruhan atau sebahagian wang yang perlu dibayar, dihutang atau ditanggung oleh Korporat.
- (m) Sijil Keberhutangan - Sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank yang diberi kuasa bagi wang, yang pada masa tertentu, perlu dibayar dan terhutang kepada Bank oleh Korporat akan menjadi bukti dan keterangan muktamad bahawa jumlah tersebut perlu dibayar dan dihutang oleh Korporat kepada Bank, selagi tiada kesilapan nyata.
- (n) Kesan Mengikat - Obligasi Korporat akan mengikat pengganti hak milik Korporat. Obligasi Pemegang Kad Penama akan mengikat wakil peribadi dan waris Pemegang Kad Penama.

- (o) *Penggabungan atau Pertukaran Pegangan Saham - Hak dan kewajiban yang diwujudkan di bawah Perjanjian ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walau apa pun tidak kira apa-apa perubahan dari segi penyatuan, penyusunan semula, penggabungan, pengambilalihan atau perubahan pegangan saham sama ada di peringkat syarikat induk atau sebaliknya, yang mungkin dibuat kepada perlembagaan Bank.*
- (p) *Terjemahan - Versi Bahasa Melayu Perjanjian ini boleh didapati oleh Pemegang Kad Penama dan Korporat di laman web Bank atau atas permintaan.*
- (q) *Pengemaskinian - Pemegang Kad Penama dan Korporat perlu menyemak laman web Bank secara berkala untuk maklumat terkini terma dan syarat kerana sebarang perubahan atau pengemaskinian terma dan syarat yang diterbitkan di laman web Bank adalah mengikat terhadap Pemegang Kad Penama dan Korporat.*

*Untuk sebarang bantuan, Pemegang Kad Penama dan Korporat boleh menghubungi Pusat Perhubungan AmBank pada nombor berikut:
Telefon: 03-2178 8888*

PERINGATAN: SYARIKAT DENGAN INI DIINGATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERJANJIAN INI SEBELUM MENURUNKAN TANDATANGAN ANDA DI BAWAH.

LAMPIRAN 1

(merujuk kepada Klausa 5.1(a) Perjanjian ini)

Jadual Yuran dan Caj

Perkara	Kad Perniagaan Mastercard Platinum AmBank / Kad Perniagaan Visa Platinum AmBank / Kad Perniagaan Visa Infinite AmBank												
Jumlah Minimum Perlu Dibayar	i. 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada); *baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + caj dan fi kewangan (jika ada) ii. Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada); iii. 100% Ansuran Bulanan (jika ada); iv. 100% amaun lewat bayar (jika ada); v. 100% untuk semua amaun yang terlebih had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan) ATAU Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.												
Caj Kewangan Bertingkat* * Caj tidak diguna pakai untuk Pendahuluan Tunai	a)1.25% sebulan atau 15% setahun hanya jika anda menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya selama 12 bulan berturut-turut. b)1.42% sebulan atau 17% setahun hanya jika anda menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya sekurang- kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; atau c)1.5% sebulan atau 18% setahun jika rekod pembayaran anda tidak termasuk dalam (a) atau (b) di atas												
Tempoh Tanpa Faedah	28 hari kalendar dari tarikh catatan kesemua transaksi runcit yang dibayar menggunakan kad kredit, dengan syarat tiada baki belum jelas dalam Akaun Kad Kredit (tidak diguna pakai untuk Pendahuluan Tunai)												
Caj Bayaran Lewat	1% daripada baki belum jelas yang perlu dibayar atau minimum RM10 (yang mana lebih tinggi) sehingga maksimum RM100 Keterangan: <table><tr><th>Senario</th><th>1</th><th>2</th></tr><tr><td>Baki belum jelas</td><td>RM12,000</td><td>RM800</td></tr><tr><td>Caj Bayaran Lewat (1% x baki belum jelas)</td><td>RM120</td><td>RM8</td></tr><tr><td>Caj Sebenar (Maksimum/Minimum)</td><td>RM100</td><td>RM10</td></tr></table>	Senario	1	2	Baki belum jelas	RM12,000	RM800	Caj Bayaran Lewat (1% x baki belum jelas)	RM120	RM8	Caj Sebenar (Maksimum/Minimum)	RM100	RM10
Senario	1	2											
Baki belum jelas	RM12,000	RM800											
Caj Bayaran Lewat (1% x baki belum jelas)	RM120	RM8											
Caj Sebenar (Maksimum/Minimum)	RM100	RM10											
Caj Had Lebihan	Yuran had lebihan tetap berjumlah RM6 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8%.												
Caj Kewangan Pendahuluan Tunai	Caj kewangan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun berdasarkan kiraan atas baki harian, akan dikenakan ke atas Amaun Pendahuluan Tunai dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.												
Yuran Pendahuluan Tunai	1.30% daripada amaun pendahuluan tunai, ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8%. Yuran ini dikenakan ke atas setiap transaksi pendahuluan tunai.												
Yuran Tahunan	Percuma seumur hidup												
Cukai Perkhidmatan Kad Kredit	RM25 setiap kad												
Yuran Penggantian Kad	RM12 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% bagi setiap Kad.												
Yuran Permintaan Salinan Penyata	RM5 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% bagi setiap salinan.												
Yuran Penyata Bulanan	Salinan penyata bercetak dihantar ke alamat surat-menyurat: RM24 ditambah SST yang dikenakan sebanyak 8% setiap tahun. ePenyata: Tiada yuran dikenakan.												
Penukaran Mata Wang Bagi Transaksi Luar Negara	Transaksi di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh item tersebut diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran asing mungkin berbeza daripada kadar harian yang diumumkan disebabkan oleh turun-naik pasaran. Kadar pertukaran ialah seperti yang ditentukan oleh Mastercard International ditambah 1% tokokan pertukaran asing (sebelum ini dikenali sebagai kos pentadbiran) oleh AmBank ke atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukar.												

Nota: Menurut Klausa 5.1(a) Perjanjian ini, kandungan Jadual ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pelanggan. Maklumat yang disediakan dalam Perjanjian ini adalah sah pada Julai 2026. Untuk pindaan terkini, sila log masuk ke ambank.com.my

LAMPIRAN 2
(merujuk kepada Bahagian 6(a) Perjanjian ini)

1. Ganjaran AmBonus

- a) Untuk setiap RM1 yang dicajkan kepada Kad untuk pembelian runcit tempatan yang baru, satu (1) Mata AmBonus akan diberikan kepada Korporat. Manakala untuk setiap RM1 yang dicajkan kepada Kad untuk pembelian runcit di luar negara yang baru, dua (2) Mata AmBonus akan diberikan kepada Korporat.
- b) Mata AmBonus diberikan untuk perbelanjaan runcit sahaja. Faedah, caj kewangan, yuran Pendahuluan Tunai, yuran dan caj lain-lain yang dikenakan oleh Bank dan baki belum jelas yang dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya adalah dikecualikan daripada pengiraan Mata AmBonus. Mata AmBonus tidak diberikan untuk transaksi-transaksi yang berikut:
 - i. sebarang pembelian di stesen minyak;
 - ii. sebarang pembayaran untuk kebajikan di bawah Kod Kategori Saudagar (MCC) 8398; dan
 - iii. sebarang pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan seperti berikut: 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405
- c) Kadar Mata AmBonus yang berbeza akan diguna pakai untuk program kad terpilih pada kadar yang akan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- d) Sekiranya sebarang transaksi dipertikaikan dan/atau diterbalikkan, Bank berhak untuk menolak Mata AmBonus yang telah diperolehi dan dikreditkan daripada transaksi yang dipertikai/ diterbalikkan tersebut. Sekiranya Mata AmBonus telah digunakan sebelum keterbalikan tersebut, Bank berhak untuk mendebitkan Akaun Kad untuk nilai wang yang setara.
- e) Mata AmBonus terkumpul mempunyai tempoh sah selama tiga (3) tahun berdasarkan blok tahunan dan dasar masuk dahulu dan keluar dahulu seperti yang tercatat dalam e-Penyata Kad. Sebarang Mata AmBonus yang tidak digunakan atau tidak ditebus, akan dibatalkan secara automatik selepas tempoh sah.
- f) Selepas pembatalan Kad, sama ada dilaksanakan oleh Bank atau Korporat, Mata AmBonus yang belum digunakan akan dibatalkan dan tidak boleh ditebus oleh Korporat.
- g) Penebusan Mata AmBonus boleh dibuat oleh Korporat melalui borang penebusan yang disediakan oleh Bank di www.ambank.com.my atau dengan memberi arahan bertulis kepada Bank yang ditandatangani oleh penandatangan yang dibenarkan Korporat.

LAMPIRAN 3
(merujuk kepada Bahagian 6(a) Perjanjian ini)

Definisi											
"Rebat Tunai"	bermaksud pulangan tunai yang diperolehi daripada Kategori Pedagang yang Layak dibawah Kod Kategori Pedagang.										
"Kod Kategori Pedagang" Atau "MCC"	bermaksud penetapan bagi setiap Pedagang dan rekod transaksi yang tertakluk pada pengelasan oleh bank pemeroleh masing-masing (bank yang menyenggarakan akaun pedagang dan memproses pembayaran bagi pihak pedagang) dan menjadi tanggungjawab bank pemeroleh masing-masing untuk menetapkan MCC dan rekod transaksi kepada transaksi yang berkenaan. AmBank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penetapan MCC dan rekod transaksi yang mungkin menyebabkan kegagalan catatan Rebat Tunai bagi transaksi runcit di pedagang yang layak. Pemegang Kad tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan daripada AmBank bagi kegagalan catatan Rebat Tunai yang disebabkan oleh penetapan MCC dan rekod transaksi oleh bank pemeroleh pedagang yang berkenaan.										
"Rebat Tunai Khas"	bermaksud pulangan tunai sehingga 0.5% wang tunai khas rebat daripada Petrol, Syarikat Penerbangan, Hotel, Restoran seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <th>Kategori</th><th>MCC</th></tr> <tr> <td>Petrol</td><td>5541, 5542</td></tr> <tr> <td>Syarikat Penerbangan</td><td>3100, 4511, 4722</td></tr> <tr> <td>Hotel</td><td>7011</td></tr> <tr> <td>Restoran</td><td>5812, 5813, 5814</td></tr> </table>	Kategori	MCC	Petrol	5541, 5542	Syarikat Penerbangan	3100, 4511, 4722	Hotel	7011	Restoran	5812, 5813, 5814
Kategori	MCC										
Petrol	5541, 5542										
Syarikat Penerbangan	3100, 4511, 4722										
Hotel	7011										
Restoran	5812, 5813, 5814										
"Luar Negara Rebat"	bermaksud pulangan tunai sehingga 1.0% diperoleh daripada Perbelanjaan Transaksi Luar Negara										
"Rebat Tunai Layak Lain"	bermaksud pulangan tunai 0.1% yang diperoleh daripada Transaksi selain daripada "Rebat Tunai Khas" dan "Rebat Tunai Luar Negara" tidak termasuk yang di bawah:- a. Yuran pendahuluan tunai atau pengeluaran tunai, Program Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi tunai, yuran tahunan, yuran pembayaran lewat, faedah, caj kewangan; dan/atau sebarang program perkongsian khas. b. Transaksi runcit yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak dibenarkan dan/atau penipuan; dan/atau c. Transaksi dengan Kod Kategori Pedagang (MCC) (ditakrifkan di bawah) di bawah <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <th>Kategori</th><th>MCC</th></tr> <tr> <td>Bayaran berkaitan Kerajaan</td><td>9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405</td></tr> <tr> <td>Pendahuluan Tunai</td><td>6010, 6011</td></tr> </table>	Kategori	MCC	Bayaran berkaitan Kerajaan	9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405	Pendahuluan Tunai	6010, 6011				
Kategori	MCC										
Bayaran berkaitan Kerajaan	9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405										
Pendahuluan Tunai	6010, 6011										

Rebat Tunai

1. Bagi setiap RM1 yang dicaj kepada Kad untuk pembelian runcit baharu di dalam negara, 0.5% rebat tunai akan diberi ganjaran kepada Kad Penama, manakala bagi setiap RM1 yang dicaj kepada Kad untuk pembelian runcit baharu di luar negara, 1% rebat tunai akan diberikan

kepada Corporation dan akhirnya untuk sebarang pembelian runcit lain yang tidak termasuk dalam kategori 2 (Dua), rebat tunai 0.1% akan diberikan kepada Kad Penama.

2. Urusniaga transaksi boleh dilaksanakan dalam mata wang tempatan atau asing. Untuk tujuan mengira Rebat Tunai, perbelanjaan mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) dan amaun mata wang asing yang perlu ditukarkan adalah berasaskan rekod transaksi AmBank sahaja. Amaun pertukaran adalah berasaskan kadar pertukaran yang dinyatakan oleh Bank pada masa transaksi dicatatkan dalam sistem Bank. Amaun pertukaran yang dinyatakan dalam penyata Kad Kredit adalah muktamad dan mutakhir, kecuali bagi kesilapan nyata.
3. Untuk mengelakkan keraguan rebat tunai akan diberikan berasaskan transaksi yang dicatatkan dalam kad kredit pemegang yang dibulatkan kepada 2 angka perpuluhan / sen terdekat (Ringgit Malaysia)
4. Bank berhak untuk tidak memberikan Rebat Tunai jika Bank percaya atau mengesyaki bahawa mana-mana transaksi adalah menyalahi undang-undang, melibatkan penipuan, tidak jujur, dipulangkan, dipertikaikan atau tidak sah. Bank boleh menarik balik sebarang Rebat Tunai yang telah dikreditkan yang diberikan daripada akaun Kad Kredit Pemegang Kad jika Bank mengesyaki atau mendapati bahawa mana-mana transaksi adalah tidak sah, menipu, tidak jujur, dipulangkan, dipertikaikan dan/atau tidak sah.
5. Rebat Tunai hanya terpakai untuk perbelanjaan runcit sahaja. Faedah, caj kewangan, Pendahuluan Tunai yuran, yuran dan caj lain yang dikenakan oleh Bank dan baki tertunggak yang dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya dikecualikan daripada pengiraan Rebat Tunai. Rebat Tunai tidak terpakai untuk transaksi berikut:
 - i. sebarang bayaran berkaitan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan seperti berikut: 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405.
 - ii. Pendahuluan Tunai: 6010, 6011
 - iii. Pengeluaran tunai, Program Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Ansuran Tunai, pembayaran bil melalui perbankan internet, transaksi JomPay, transaksi FPX; transaksi kuasi tunai, yuran tahunan, yuran pembayaran lewat, faedah, caj kewangan; dan/atau sebarang program perkongsian khas.
6. Jumlah Rebat Tunai yang diperolehi akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun Kad Kredit Pemegang Kad mengikut tarikh penyata Kad Kredit anda.
7. Untuk tujuan mengira Rebat Tunai bulanan, semua Perbelanjaan Layak perlu dicatatkan ke dalam akaun Kad Kredit Pemegang Kad di dalam Tempoh Perbelanjaan Layak. Bank tidak bertanggungjawab dalam apa jua cara sekali pun bagi sebarang catatan lewat ke dalam akaun Kad Kredit Pemegang Kad oleh pedagang dan/atau pihak ketiga. Sebarang catatan lewat akan menyebabkan Rebat Tunai dikira pada kitaran penyata berikutnya.
8. Jika sebarang transaksi dipertikaikan dan/atau diterbalikkan, Bank berhak untuk membalikkan Rebat Tunai yang diperolehi dan dikreditkan daripada transaksi yang dipertikaikan/terbalik.
Sekiranya Rebat Tunai digunakan sebelum pembalikan, Bank mempunyai hak untuk mendebit
Akaun Kad untuk wang yang setara. Tertakluk kepada Perjanjian, Jumlah Perbelanjaan Bulanan Layak Pemegang Kad Penama akan menentukan Rebat Tunai yang layak untuk Pemegang Kad Penama seperti yang ditetapkan di bawah: -

Cash Rebate Entitlement (RM)					
Perbelanjaan Kategori	Perbelanjaan	0.5% Untuk Rebat Tunai Khas [Petrol, Airlines, Hotel, Restaurant & Travel]	1.0% untuk Luar Negara Rebat	0.1% untuk Rebat Tunai Layak Lain	Rebat Tunai yang layak
Restaurant & Travel					
Stationery: MPH Bookstore	RM200			RM200 x 0.1% = RM0.20	RM0.20
Hotel: W Hotel	RM700	RM700 x 0.5% = RM1.75			RM1.75
Online: Amazon Online Purchase	RM1,050		RM1,050 x 1% = RM10.50		RM10.50

Terma dan Syarat Am

9. Bank berhak untuk meminda terma dan syarat ini, termasuk menamatkan apa-apa ciri khusus yang ditawarkan di bawah Kad Kredit, dengan memberi notis kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
10. Kami boleh menggunakan mana-mana daripada kaedah komunikasi berikut untuk menyampaikan notis berkaitan Kad Kredit ini kepada Pemegang Kad:
 - a. Notis individu tersendiri (sama ada notis bertulis atau menerusi kaedah elektronik) yang dihantar ke alamat/alamat e-mel terkini yang diberikan oleh Pemegang Kad kepada Bank;
 - b. Iklan akhbar;
 - c. Notis dalam penyata Kad Kredit Pemegang Kad;
 - d. Paparan di premis perniagaan Bank; atau
 - e. Notis di laman sesawang internet Bank;
11. Pada masa Rebat Tunai dikreditkan, akaun Kad Kredit Pemegang Kad MESTI DIAKTIFKAN dan TIDAK BOLEH berstatus tidak berbayar, ditamatkan, digantung, dan/atau tidak sah atau dibatalkan mengikut definisi Bank. Jika tidak, kelayakan Pemegang Kad akan dibatalkan dan/atau Pemegang Kad tidak layak untuk menerima Rebat Tunai.
12. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemegang Kad atau mana-mana orang lain untuk mengkreditkan Rebat Tunai kepada akaun lain Pemegang Kad atau kepada mana-mana akaun pihak ketiga lain.
13. Bank tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Pemegang Kad bagi sebarang kerosakan atau kerugian yang dialami, termasuk kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan atau ganti rugi turutan, langsung atau tidak langsung, teladan, berkaitan, punitif atau khas, yang timbul daripada permohonan Pemegang Kad untuk Kad Kredit, atau Bank melaksanakan haknya menurut mana-mana terma dan syarat di dalam ini melainkan tindakan, tuntutan, kerugian langsung, ganti rugi dan perbelanjaan dikaitkan secara langsung dengan kecuaihan melampau, kegagalan sengaja atau penipuan oleh Bank.
14. Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad apabila peristiwa Force Majeure berlaku. "Force Majeure" merujuk kepada sebarang kejadian dan/atau keadaan tidak diduga yang berada di luar kawalan wajar oleh Bank,

- yang tidak dapat dicegah, dielakkan atau diatasi oleh Bank, seperti kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, kemalangan, letupan, kecederaan, sekat masuk, kekacauan, rusuhan awam, tindakan musuh asing, malapetaka semula jadi, embargo, perang atau bencana alam.
15. Bank berhak untuk meluluskan atau menolak apa-apa permohonan dan/atau permintaan untuk dokumen sokongan selanjutnya. Untuk mengelakkan keraguan, Bank mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada dokumen sokongan adalah mencukupi untuk tujuan memproses permohonan yang dikemukakan kepada Bank.
 16. Melainkan dinyatakan dengan jelas sebaliknya, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan kepadanya, akan diguna pakai mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau pernyataan yang terkandung di dalam sebarang bahan notis/promosi/iklan untuk Kad Kredit ini.
 17. Semua persoalan berhubung pembentukan, kesahihan, penguatkuasaan dan pentafsiran terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir oleh, ditafsirkan dan dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia. Pihak yang terbabit dengan ini bersetuju untuk tertakluk di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia bagi tujuan sebarang saman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada dan berasaskan terma dan syarat di dalam ini.
 18. Versi Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini juga boleh didapati melalui ambank.com.my/VIBC. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakseragaman dalam pentafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna mengatasi yang lain.
 19. Untuk sebarang bantuan dan maklum balas berkaitan Kad Kredit ini, Pemegang Kad boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank melalui 03-21788888 atau e-mel ke customercare@ambankgroup.com.